



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(Department of Labour Peninsular Malaysia)
Aras 3 & 5, Blok Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Telefon : 03-8886 5192/5937
Faks : 03-8889 2368
E-mel : jtksm@mohr.gov.my
Laman Sesawang : www.jtksm.mohr.gov.my

SIARAN MEDIA

CUTI PERISTIWA NEGERI JOHOR PADA 28 APRIL 2025

SEMPENA PENCAPAIAN CEMERLANG PASUKAN JOHOR DARUL TAKZIM (JDT)

1. Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh 28 April 2025 (Isnin) bersamaan 29 Syawal 1446H sebagai Cuti Peristiwa sempena pencapaian cemerlang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT).
2. Pengisytiharan ini dibuat selaras dengan subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang membolehkan pihak berkuasa negeri mengisytiharkan mana-mana hari sebagai hari kelepasan am bagi negeri berkenaan.
3. Hari kelepasan am ini merupakan hari kelepasan am pilihan dan tidak wajib diberikan kepada pekerja sektor swasta. Namun begitu, mana-mana majikan yang memilih Cuti Peristiwa Negeri Johor sempena pencapaian cemerlang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) sebagai hari kelepasan am syarikat hendaklah memberikan hari kelepasan am bergaji kepada pekerja pada 28 April 2025.
4. Walau bagaimanapun, majikan boleh dengan persetujuan pekerja menggantikan cuti tersebut kepada hari lain sebagaimana peruntukan Seksyen 60D (1A) Akta Kerja 1955.

Sekian, terima kasih.

TAMAT

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pengarah